

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
KAWASAN : JELUTONG
TARIKH : 19 Mei 2016
NO. SOALAN : 124

YB TUAN JEFF OOI CHUAN AUN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

sama ada telah berlakunya kegiatan manipulasi oleh sindiket pembekal besi dan keluli antarabangsa sehinggakan harga besi di Malaysia telah naik secara mendadak berbanding bulan Januari dengan bulan Mac dan April. Ini menjejaskan industri perumahan di Malaysia.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Sejak bulan Mac 2016, harga besi dan keluli di pasaran global telah meningkat secara mendadak susulan daripada kenaikan harga sehingga 30% di Republik Rakyat China yang merupakan negara pengeluar utama besi dan keluli di dunia. Ini telah menyebabkan berlakunya kekurangan bekalan import besi dan keluli bagi Malaysia termasuk bahan-bahan mentah seperti besi sekerap dan besi bilet.

Sebelum itu, pada 22 Januari 2016, Kerajaan Republik Rakyat China telah membuat pengumuman untuk lebih memberi tumpuan kepada usaha pengurangan lebihan kapasiti pengeluaran dalam industri besi di negara tersebut. Antara langkah yang telah diambil oleh negara tersebut termasuk penyusunan semula bekalan, pengawalan kapasiti baharu serta penggabungan dan pemerolehan, dengan izin, *mergers and acquisitions* syarikat-syarikat pengeluar utama. Peningkatan harga di Republik Rakyat China dijangka berterusan sehingga suku ketiga tahun 2016.

Sejak peningkatan harga di pasaran global, pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan telah mula meningkatkan kapasiti pengeluaran masing-masing bagi memenuhi permintaan tempatan. Sebelum ini, sejak tahun 2015, kapasiti pengeluaran syarikat-syarikat tempatan telah berkurangan sehingga berada di paras 40% secara purata akibat lambakan import, khususnya dari Republik Rakyat China. Berikutan peningkatan permintaan tempatan secara mendadak, pengeluar-pengeluar besi dan keluli tempatan sedang berusaha mendapatkan bahan-bahan mentah tambahan yang diperlukan untuk meningkatkan semula kapasiti pengeluaran mereka bagi memenuhi permintaan pasaran.

Bagi mengurangkan impak terhadap industri-industri yang memerlukan bahan mentah besi dan keluli seperti sektor pembinaan, pembuatan mesin dan jentera, minyak dan gas, elektrik dan elektronik serta automotif, Malaysia Steel Institute (MSI), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang tahun ini untuk mengukuhkan dan membina nilai rantai sektor pembuatan dalam negara secara menyeluruh yang seterusnya dapat menjimatkan kos pengeluaran, pembuatan dan perniagaan bagi semua pihak bagi jangka masa panjang.